

B B231 DEB

TUNKU - SURAT R R R

(I)

PULAU PINANG, 24 MAC (BERNAMA) -- TUNKU ABDUL RAHMAN HARI INI MENGELUARKAN KENYATAAN YANG MENURUTNYA BAGI MENJELASKAN SEPUCUK SURAT YANG DIKIRIM KEPADA BELIAU SEMASA BELIAU MENJADI PERDANA MENTERI DAN YANG KINI MENJADI SALAH SATU ISU MENJELANG PEMILIHAN UMNO BULAN DEPAN.

BEKAS PERDANA MENTERI ITU BERKATA BELIAU INGIN MENERANGKAN PERKARA BERHUBUNG DENGAN SURAT ITU OLEH KERANA BELIAU TIDAK MAHU +DIHERET DALAM PERBALAHAN POLITIK YANG HEBAT SEKARANG DI KALANGAN MEREKA CALON-CALON BAGI MEREbut PUCUK PIMPINAN UMNO.+

TUNKU BERKATA BELIAU TERPAKSA MEMBETULKAN FAKTA-FAKTA OLEH KERANA TIMBALAN PRESIDEN UMNO DATUK MUSA HITAM MENIMBULKAN SOAL SURAT PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI PERCUBAAN UNTUK MENGGULINGKAN BELIAU (TUNKU) DAN MENYEBABKAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYOB MEMBERI JAWAPAN SEBAGAIMANA DILAPORKAN OLEH AKHBAR THE STAR HARI INI.

DALAM SATU KENYATAAN KEPADA BERNAMA DAN THE STAR, TUNKU BERKATA TERDAPAT BEBERAPA SURAT YANG DISIARKAN DALAM AKHBAR MELAYU MENGENAI TERCETUSNYA KEGANASAN 13 MEI YANG MENURUT BELIAU BOLEH MEMBURUKKAN KEADAAN +DAN SAYA MENASIHATI SYED JAAFAR ALBAR, SYED NASIR DAN DR. MAHATHIR JANGAN MENONJOLKANNYA

+ DUA DARIPADA MEREKA MENUNTUT MAAF KEPADA SAYA SEMENTARA DR. MAHATHIR TERUS MENKRITIK SAYA,+ KATA TUNKU. - LAGI.

1938MST 24 03 87

B B232 DEB

TUNKU - SURAT 2 PULAU PINANG

(I)

+ SURAT YANG DITULISNYA KEPADA SAYA TIDAK MENJADI RAHSIA LAGI OLEH KERANA IANYA DIEDARKAN DALAM BERIBU-RIBU SALINAN KEPADA SETIAP ORANG.+

+ IANYA MERUPAKAN SURAT YANG TIDAK PERNAH SAYA LIHAT SEUMPAMANYA SEPANJANG KERJAYA POLITIK SAYA - JENIS KOMUNIKASI YANG TERAKHIR DAN YANG TIDAK MUNGKIN SAYA JANGKA MENERIMANYA DARI SESEORANG YANG SENTIASA BERADA DI DEPAN...SEBAGAI PENYOKONG KUAT PARTI,+ KATA TUNKU.

BELIAU BERKATA SALINAN SURAT ITU TELAH DISAIKLOSTAIL DAN DIEDARKAN SECARA MELUAS DALAM BERIBU-RIBU SALINAN DI KALANGAN ANGGOTA PERKHIDAMTAN AWAM, PELAJAR MELAYU MALAHAN ORANG-ORANG KAMPUNG.

TUNKU BERKATA, + ULASAN SAYA IALAH: +JIKA DR. MAHATHIR SENDIRI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB SECARA LANGSUNG DALAM HAL PENGEDARAN SURAT ITU, BELIAU TENTUNYA TIDAK MELAKUKAN SESUATU UNTUK MENYEKAT KEJADIAN ITU DARIPADA BERLAKU.+

DI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO KETIKA ITU YANG TURUT DIHADIRI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR, KEPUTUSAN DICAPAI BAHAWA TINDAKAN DR. MAHATHIR MERUPAKAN PERLANGGARAN DISIPLIN DAN PERATURAN PARTI YANG SERIUS YANG JIKA TIDAK DISEKAT AKAN MEROSAK PERPADUAN DALAM PARTI DAN KERAJAAN YANG DIDOKONG OLEH PARTI ITU, UJAR TUNKU. -

+ MESYUARAT MAJLIS YANG DIHADIRI OLEH SEMUA MENTERI KABINET DAN MENTERI-MENTERI BESAR MEMUTUSKAN BAHAWA DR. MAHATHIR DILUCUTKAN KEANGGOTAANNYA DALAM MAJLIS TERSEBUT MULAI HARI ITU.+

TUNKU BERKATA TUN DR. ISMAIL, KETIKA ITU MENTERI DALAM NEGERI, MENGELUARKAN PERINTAH DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960, MENGHARAMKAN PENERBITAN, PENGEDARAN DAN PEMILIKAN SALINAN SURAT ITU.

+ INI ADALAH HANYA UNTUK MENJELASKAN PERKARA BERHUBUNG DENGAN SURAT ITU, DAN SAYA TIDAK AKAN BERKATA APA-APA LAGI, KECUALI SAYA TIDAK HADIR DI MESYUARAT MAJLIS ITU.

+SAYA MENINGGALKAN KERAJAAN BILA ANAK SAUDARA SAYA, SULTAN KEDAH MENJADI YANG DI-PERTUAN AGONG,+ KATA TUNKU. - BERNAMA.

2013MST 24 03 87